

15 JAN 2003

Enakmen-Johor

JOHOR PINDA ENAKMEN SERAGAMKAN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM

JOHOR BAHRU, 15 Jan (Bernama) -- Kerajaan Johor akan meminda beberapa peruntukan berkaitan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islamnya supaya seragam dengan apa yang telah diputuskan oleh Majlis Raja-Raja.

Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman berkata, hanya terdapat beberapa peruntukan perlu dibuat pindaan berkaitan dengan keputusan dan perintah yang dibuat oleh Mahkamah Syariah di negeri ini yang tidak dilaksanakan di negeri-negeri lain.

"Sebenarnya di negeri Johor, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam ini, termasuk masalah poligami sudah menepati dan diguna pakai sejak 1994 lagi dan rata-rata adalah seragam dengan Kerajaan Persekutuan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengarahkan kerajaan-kerajaan negeri segeraewartakan undang-undang keluarga Islam bagi mengatasi perundangan Islam yang tidak seragam.

Katanya, tiga enakmen yang akan dipinda ialah Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah, Enakmen Tatacara Jenayah Mahkamah Syariah dan Enakmen Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah.

"Enakmen-enakmen inilah yang akan kita bawa ke Persidangan Dewan Undangan Negeri yang terdekat ini, untuk diputuskan oleh dewan dan seterusnya diwartakan dan diguna pakai," katanya.

Abdul Ghani berkata Johor juga akan memastikan semua projek kerajaan disalurkan kepada bidang-bidang yang memberikan pulangan bagi mencetuskan pertumbuhan ekonomi dan menggerakkan pertumbuhan kandungan tempatan.

"Ini kita akan berikan keutamaan, contohnya di Johor sekarang kita akan melaksanakan projek pertanian berskala besar, pertanian moden seluas 4,800 hektar, yang dapat memberikan pulangan dan menggerakkan local content, selain projek-projek pelancongan," katanya.

Projek pertanian moden bersepadu di Ayer Hitam yang sudah dikenalpasti tapaknya, bertujuan meningkatkan pengeluaran bahan makanan seperti sayur-sayuran dan buah-buahan.

Sambil mengalu-alukan keputusan Kerajaan Pusat melaksanakan projek-projek yang telah tersenarai dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8), beliau berkata di Johor projek yang sudah mempunyai peruntukan, akan dilaksanakan segera.

Katanya, Johor juga sedang membuat persiapan untuk projek-projek baru yang belum termasuk dalam RMK-8 dan belum mempunyai pembiayaan untuk dikemukakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, yang dianggap penting untuk pembangunan dan penjanaan kegiatan ekonomi negeri.

Abdul Ghani berkata antara projek itu ialah Lebuhraya Johor Baharu ke Nusajaya, menaiktaraf jalan Ayer Hitam-Kulai, Muar-Batu Pahat dan Batu Pahat-Pontian.

"Projek lebuhraya dari Perling ke Pasir Gudang di bawah RMK-8 dan dari Senai ke Kong Kong hingga ke Tanjung Langsat di bawah penswastaan, juga di harap dapat diteruskan," katanya.

Antara projek lain yang dijalankan dalam RMK-8, kata Menteri Besar ialah Projek CIQ dengan pembiayaan kerajaan, pembesaran lapangan terbang antarabangsa Senai, projek 'bunkering' dan janakuasa 2,000 megawatt akan dijalankan kerana ia projek penswastaan.

"Yang penting ialah projek-projek infrastruktur yang terkandung dalam

RMK-8 itu semua dilaksanakan dan semua projek penswastaaan akan juga bermula seperti lebuh raya dari Johor Baharu ke Desaru merentasi Sungai Johor," katanya.

-- BERNAMA

IS MNY ZB